



PROGRAM ANGKASAWAN NEGARA



DORONG GENERASI BARU...Dr Faiz Khaled dan Dr Sheikh Muszaphar Shukor menerangkan sesuatu mengenai angkasa lepas ketika memberi motivasi kepada pelajar Sekolah Menengah Sains Seremban, Julai lalu.

KAJIAN...Dr Faiz (tengah) mendengar penerangan mengenai proses pengkristalan sel daripada Profesor Dr Raja Zaliha Raja Abdul Rahman sambil diperhatikan Dr Sheikh Muszaphar.

ATSB peneraju penerokaan angkasa

H.M 11/10/07 MIS 3

Fokus penyelidikan sistem berkaitan angkasa bagi lonjakkan negara dalam bidang itu



>>Oleh Ahmad Fitri Che Musa
fitrimusa@hmetro.com.my

MALAYSIA mungkin baru saja mencapai usia 50 tahun, tetapi negara ini mendahului negara Asean lain dalam keupayaannya membangunkan teknologi angkasa lepas dan terbukti melalui tiga satelit yang kini berfungsi di orbit dan pelancaran angkasa pertama ke angkasa lepas, 10 Oktober ini.

Kemajuan negara dalam bidang penerokaan angkasa diterajui syarikat teknologi dan angkasa, Astronautic Technology Sdn Bhd (ATSB) yang banyak terbabit secara serius dalam beberapa projek sebelum ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Dr Ahmad Sabirin Arshad, berkata Program Angkasawan Negara diberi keutamaan syarikatnya berikutan kepentingan program itu kepada negara dan sangat bermakna kepada rakyat Malaysia.

Menurutnya, Program Angkasawan Negara adalah satu projek yang membebankan inspirasi kerana ia memberi impak penting terhadap minat rakyat di seluruh negara yang menjadikan syarikatnya berbangga dapat bersama terbabit mencatat sejarah kepada negara.

"Dengan program ini, rakyat Malaysia sedang mengorak langkah ke masa depan gemilang melalui kemajuan teknologi angkasa," katanya yang bertanggungjawab dalam penubuhan ATSB pada 1997.

Beliau berkata, Malaysia berjaya melepasi halangan demi halangan dalam teknologi angkasa lepas sehing-

ga mampu menempatkan diri dalam persaingan aeroangkasa ke tahap hari ini.

Katanya, teknologi angkasa di Malaysia menunjukkan peningkatan baik dan semakin berkembang membuktikan kesungguhan negara untuk mara dalam bidang ini.

"Setakat ini, lebih 20 negara di dunia berjaya menghantar angkasa mereka ke angkasa lepas dan Malaysia akan menyertai mereka," katanya.

Mengulas pembabitan ATSB dalam industri teknologi angkasa, Ahmad Sabirin berkata, ATSB adalah syarikat yang kukuh dalam menaikkan nama negara dalam bidang teknologi satelit angkasa dan penubuhannya menjadi teras negara mengorak langkah terjun ke bidang ini.

ATSB meletakkan fokusnya kepada penyelidikan dan pembangunan sistem berkaitan angkasa bagi me-

lonjakkan negara ke dalam bidang itu sebagai pencetus kemajuan ekonomi dan pembangunan serta kualiti pemikiran masyarakat.

Selain menyediakan lengkapan logistik kepada angkasawan, ATSB juga menyediakan operasi mikro satelit negara pertama, iaitu TiungSAT-1.

Ahmad Sabirin berkata, pengalaman syarikat bersama TiungSAT-1 sangat berharga kerana mereka berpeluang bekerjasama dengan pihak Russia mengendalikan satelit berkenaan dan ia membolehkan ATSB menangani sebarang isu yang bakal dihadapi mereka.

Menurutnya, ATSB turut melihat pasaran luar, termasuk negara Asean dan OIC yang mempunyai ikatan kuat dengan Malaysia berikutan teknologi angkasa adalah perniagaan bersifat global.

"Malaysia membina kepakaran dan menawarkan

khidmat satelit kepada negara berkenaan," katanya.

Satu lagi satelit yang dibangunkan syarikat itu ialah RazakSAT yang bakal dilancarkan ke angkasa lepas penghujung tahun ini.

"Biarpun projek RazakSAT adalah projek terbesar syarikat ini dalam nilai ringgit, Program Angkasawan Negara adalah kejayaan utama syarikat," katanya.

ATSB adalah pelopor dan peneraju dalam perniagaan satelit di Malaysia turut menyumbang kepada kejayaan negara dalam bidang penerokaan angkasa serta penghantaran angkasawan pertama melalui Program Angkasawan Negara.

Melalui program itu, angkasawan negara akan melakukan penyelidikan sains dan teknologi di angkasa, termasuk kajian penghabluran protein, bakteria dan sel di angkasa yang dibangunkan saintis dari universiti tempatan.



Biarpun projek RazakSAT adalah projek terbesar syarikat ini dalam nilai ringgit, Program Angkasawan Negara adalah kejayaan utama syarikat"

>>Datuk Dr Ahmad Sabirin Arshad
Ketua Pegawai Eksekutif ATSB